

Anak perantauan diseru tidak pulang ke rumah panjang buat masa ini

SIBU: Anak perantauan atau penduduk bandar diseru agar tidak pulang ke rumah panjang mereka buat masa ini.

Timbalan Dekan Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Dr Jayum Jawan berkata, ini penting bagi melindungi golongan berisiko tinggi dijangkiti COVID-19.

“Kerana kita sayang kepada keluarga kita di kampung, kita tidak pulang. Ini untuk melindungi mereka. Tunggulah bila keadaan reda.

“Cukuplah apa yang terjadi kepada masyarakat kita yang telah ditimpa musibah COVID-19 ini bermula daripada Kluster Pasai,” katanya ketika menjadi moderator program randau secara maya bersama pemimpin badan bukan kerajaan (NGO) Dayak serta ahli akademik Dayak di laman sosial Majlis Perbandaran

Sibu (MPS) yang dianjurkan oleh Pengerusinya Clarence Ting, kelmarin.

Turut serta dalam randau itu ialah Ting, Ahli MPS Kaunselor Augustine Merikan, Pengerusi Kesatuan Kebangsaan Dayak Sarawak (SDNU) Sibu Chambai Lindong, Profesor Dr Lucy Sebli dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Presiden Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) Dato Ir Alice Jawan, Setiausaha Politik Ketua Menteri Romeo Christopher Tegong dan Pengerusi SIDS Sibu Angelyn Uchi Maseng.

Randau dalam bahasa Iban itu diadakan selama kira-kira dua jam bagi membincangkan langkah-langkah terkini serta pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi pencegahan jangkitan COVID-19 di rumah-rumah panjang serta melibatkan masyarakat Dayak di sini.

Jayum berkata, setiap anak-anak bertanggungjawab

melindungi ibu bapa mereka yang tergolong dalam golongan berisiko dijangkiti COVID-19 iaitu berusia 60 tahun ke atas.

“Dengan tindakan sedemikian, kita dapat mengurangkan penularan jangkitan COVID-19 di kawasan luar bandar. Umum tahu macam mana corak kehidupan di rumah-rumah panjang yang terkenal dengan keakraban penduduknya sesama sendiri dalam kehidupan seharian mereka,” ujarnya lagi.

Beliau memberitahu, peningkatan kes COVID-19 di Sibu kali ini banyak membabitkan masyarakat Dayak khususnya di rumah-rumah panjang.

“Dengan apa yang telah terjadi, kita diharapkan tidak lalai lagi serta sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan. Apa yang terjadi sebelum ini, biarlah menjadi pengajaran sebagai landasan



JAYUM

untuk kita berjaga-jaga di kemudian hari,” tegas Jayum.

Sementara itu, beliau menggesa masyarakat Dayak terus memberikan kerjasama kepada kerajaan bagi memutuskan rantaian penularan COVID-19.

“Bersama-sama kita berganding bahu dengan kerajaan untuk mengurangkan kes-kes COVID-19 di Sibu khususnya,” katanya.